

## 9 ditahan halang PTG roboh premis

**KUALA LUMPUR 4 Okt.** - Sembilan aktivis sebuah parti politik ditahan kerana cuba menghalang pihak berkuasa melakukan operasi merobohkan rumah kedai di atas tanah kerajaan bersebelahan Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dekat sini hari ini.

Kesemua lelaki berusia 25 hingga 45 tahun itu cuba menghalang proses berkenaan

yang dilakukan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Selangor kira-kira pukul 8.30 pagi.



Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohd. Zani Che Din (**gambar**) berkata, kesemua yang ditahan merupakan aktivis parti politik selain penghuni premis terbabit.

"Mereka ditahan kerana menghalang tugas penjawat awam dan disiasat mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan," katanya di sini hari ini.

Mengulas mengenai proses tersebut, Mohd. Zani menjelaskan, operasi berkenaan sepatutnya dijalankan sebelum ini namun terpaksa ditangguhkan berikutan wujudnya bantahan.

Jelasnya, selain PTG operasi itu dibantu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya berbekalkan perintah mahkamah.

"Semua barangan milik penghuni tersebut telah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum tindakan meruntuhkan struktur tersebut dijalankan.